

FATWA PENENTUAN KADAR DUA MARHALAH, QARYAH DAN BALAD

Dari Perspektif Fiqh Semasa



PENGENALAN

Fatwa ini dikeluarkan di bawah Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka. Fatwa ini bertujuan memberi panduan kepada umat Islam dalam menentukan jarak perjalanan yang membolehkan seseorang mengambil rukhsah (keringanan) dalam ibadah.



DUA MARHALAH?

Dua marhalah ialah ukuran jarak perjalanan yang membolehkan seseorang dianggap sebagai musafir menurut hukum fiqh.

Apabila seseorang mencapai jarak ini, dia boleh mengambil beberapa keringanan dalam ibadah seperti:

- Solat Jamak
- Solat Qasar
- Keringanan hukum lain yang berkaitan dengan musafir.

KEPUTUSAN FATWA



Fatwa Negeri Melaka menetapkan bahawa:

Kadar dua (2) marhalah bagi musafir ialah **81 km**

Ini bermaksud seseorang yang melakukan perjalanan sekurang-kurangnya 81 km boleh mengambil rukhsah seperti solat jamak dan qasar.

FATWA PENENTUAN KADAR DUA MARHALAH, QARYAH DAN BALAD

Dari Perspektif Fiqh Semasa



**APA ITU
QARYAH & BALAD**

QARYAH

Kawasan penempatan seperti kampung atau komuniti kecil

BALAD

Kawasan bandar atau negeri yang lebih besar dan mempunyai pentadbiran sendiri

Penentuan sempadan kawasan ini penting dalam menentukan permulaan status musafir

CONTOH MUSAFIR

Contoh perjalanan yang melebihi 81km:

Melaka



Kuala Lumpur

Melaka



Johor Bahru

Melaka



Kuantan

Dalam perjalanan tersebut, seseorang boleh:

- **Solat Zohor & Asar secara jamak**
- **Solat Magrib & Isyak secara jamak**
- **Memendekkan solat 4 rakaat kepada 2 rakaat (Qasar)**



Imbas QR kod

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan teks asal fatwa yang sahih dan lengkap.